

03/03/2004

Teori domino Pas hanya perang psikologi

Manja Ismail; Kadir Dikoh

CUACA di Bandar Baru Beris Jaya, Sik, tengah hari kelmarin panas terik dengan suhu kira-kira 34 darjah celcius. Walaupun Majlis Mesra Rakyat bersama Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, dijadualkan bermula jam 3.30 petang, orang ramai sudah memenuhi separuh daripada khemah disediakan sejak selepas Zuhur lagi.

Menjelang jam 3 petang, khemah yang disediakan sudah dipenuhi menyebabkan kira-kira satu pertiga daripada lebih 10,000 hadirin terpaksa berdiri di tengah panas. Apabila helikopter yang membawa Pak Lah berlegar di ruang udara kawasan itu jam 3.15 petang, orang ramai mula berebut untuk berdiri di tepi lorong yang akan dilaluinya ke pentas utama.

Sebaik mendarat pada jam 3.20 petang, Pak Lah yang diiringi Menteri Besar, Datuk Seri Syed Razak Syed Zain dan Menteri Penerangan, Tan Sri Khalil Yaacob mengambil masa selama 37 minit bagi perjalanan sejauh kira-kira 50 meter kerana orang ramai berebut-rebut untuk bersalam dengannya. Sebaik tiba di pentas utama, Pak Lah terpaksa diberi tuala untuk mengesat peluhnya, manakala bahagian belakang bajunya kelihatan basah.

Namun mana-mana pemimpin pun tidak akan berasa penat jika rakyat memberi sambutan sedemikian rupa, apakan pula di daerah Sik, kawasan yang sebelum ini dianggap antara kubu kuat Pas di Kedah. Malah, pemilihan kawasan yang dianggap bermasalah itu sebagai tuan rumah Majlis Mesra Rakyat menunjukkan keyakinan BN Kedah untuk menghadapi cabaran pembangkang dalam pilihan raya umum kali ini.

Memang Kedah adalah negeri paling menarik perhatian dalam pilihan raya umum kali ini. Pas dikatakan menumpukan perhatian ke negeri jelapang padi itu dengan menyimpan impian besar untuk menjadikannya negeri ketiga ditawan selepas Kelantan dan Terengganu. Keyakinan Pas itu berdasarkan kejayaannya merampas 12 daripada 36 kerusi Dewan Undangan Negeri (DUN), sekali gus menafikan kemenangan dua pertiga Barisan Nasional (BN) pada pilihan raya umum lalu. BN kini menguasai 23 kerusi DUN berbanding 13 pembangkang, manakala lapan kerusi Parlimen milik BN selepas merampas kerusi Pendang pada pilihan raya kecil 2002.

Malah, berdasarkan kenyataan beberapa pemimpin Pas, parti itu seolah-olah terlalu yakin dapat menubuhkan kerajaan negeri dalam pilihan raya kali ini. Pas dan Parti Keadilan Nasional (Keadilan) sudah mengumumkan pengagihan kerusi untuk ditandingi iaitu 10 kerusi Parlimen dan 27 DUN untuk Pas dan Keadilan mendapat lima kerusi Parlimen dan sembilan DUN.

Timbalan Pesuruhjaya Pas Kedah, Mahfuz Omar yang mendakwa mood rakyat negeri itu kini sudah berubah dan Kedah kini mengalami gelombang berkata, sasaran Pas adalah untuk menang 19 kerusi DUN iaitu majoriti mudah untuk membentuk kerajaan negeri.

Seperti biasa, Pas memang mendahului BN dalam kempen mereka dan parti itu kini sibuk melancarkan jentera pilihan raya di peringkat bahagian. Ahad lalu misalnya, Pas melancarkan jentera gerak kerja bagi bahagian Gurun di Kampung Batu Tiga, Jalan Gurun-Jeniang.

Tinjauan ke kawasan Gurun, Baling, Sungai Petani dan Merbok kelmarin mendapati perang poster sudah bermula. Poster Pas dengan ungkapan 'Dah Lama Dah' turut terpampang di beberapa kawasan dengan mesej sudah lama BN memerintah Kedah dan mengambil kata-kata daripada ungkapan Tun Dr Mahathir Mohamad ketika mengumumkan peletakan jawatan sebelum ini. Pas dikatakan menumpukan perhatian di kawasan Merbok, antara kubu kuat BN di Kedah.

Apakah benar teori domino Pas akan menjadi kenyataan di Kedah pada

pilihan raya umum kali ini dan mood pengundi ini berubah dengan cenderung kepada pembangkang atau ia hanya perang psikologi parti itu yang sudah mula merasai kesan pendekatan Pak Lah dalam menarik sokongan rakyat kali ini?

Beberapa pemimpin BN dan pemerhati politik yang ditemui, walaupun mengaku Pas akan memberi tentangan sengit di Kedah kali ini, lebih percayakan perubahan mood pengundi kali ini semakin berpihak kepada BN. Bagaimanapun, ia tidak bermakna BN boleh mengambil mudah dan tidak meningkatkan usahanya untuk menterjemahkan perubahan itu dalam peti undi.

Anak tempatan yang juga wartawan veteran, Datuk A Kadir Jasin, selepas majlis di Bandar Baru Beris Jaya kelmarin berkata, sekurang-kurangnya dua faktor penting yang menarik semula sokongan pengundi Kedah kepada BN kali ini - faktor Pak Lah dan perubahan sikap kakitangan kerajaan negeri.

"Bagi pengundi Kedah yang majoritinya petani, pendekatan mesra Pak Lah seperti ditunjukkan tadi sudah cukup untuk melembutkan hati mereka. Ucapannya yang tidak menyerang pembangkang sebaliknya tertumpu kepada kehidupan pesawah dan petani, yang diselang-seli dengan jenaka, nampaknya berjaya menarik perhatian hadirin.

"Keduanya, usaha kerajaan negeri untuk menarik semula sokongan kakitangan awam di Kedah, yang dikatakan lebih cenderung kepada pembangkang sebelum ini, sudah kelihatan kesannya. Dalam majlis tadi misalnya, pegawai daerah diberi peluang berucap dan sejumlah pegawai kanan negeri hadir. Perkara seperti ini, yang kurang diberi perhatian dulu, memberi kesan," katanya.

Sik, selain menjadi kubu kuat Pas, adalah nadi kegiatan pertanian di Kedah dengan majoriti penduduknya bergantung kepada tanaman buah-buahan. Ia selaras dengan salah satu keutamaan pucuk pimpinan kini yang mahu menjadikan semula sektor pertanian sebagai satu daripada penyumbang ekonomi negara.

Bandar Baru Beris Jaya sendiri pula mempunyai sejarahnya tersendiri. Kira-kira 600 keluarga menghuni banglo separuh kayu di bandar tersusun itu adalah penduduk beberapa kampung tradisional yang dipindahkan berikutan pembinaan Empangan Beris.

Pemindahan itu sebelum ini dijadikan isu oleh Pas kononnya kerajaan menganiayai rakyat, menyebabkan kira-kira 70 peratus daripada penduduk termakan dengan propaganda itu sehingga Sik jatuh ke tangan pembangkang.

Tetapi sesiapa pun yang datang ke sini akan cemburu kerana rumah dan keluasan kawasan di bandar baru itu tidak kalah dengan projek perumahan di Rawang atau Puncak Alam, Selangor, lengkap dengan masjid besar, dewan orang ramai dan deretan bangunan kedai. Selepas menikmati sendiri mutu kehidupan di situ serta pampasan yang diberikan kerajaan, Pas kini dikatakan tidak lagi berani memainkan isu itu.

Bekas Timbalan Menteri Kewangan, Datuk Dr Affifuddin Omar yang kini kembali aktif berkata, dakwaan Pas kononnya boleh menawan Kedah adalah percakapan politik semata-mata kerana Umno bukan saja akan dapat mempertahankan kerusi yang ada malah akan berjaya merampas kembali kerusi yang dimenangi Pas sebelum ini.

Bagaimanapun, beliau mengakui faktor calon Umno juga memainkan peranan supaya pola pengundian di kalangan penduduk tempatan tidak berpecah berikutan pemilihan calon yang tidak sesuai atau tidak diterima rakyat.

Affifuddin yang diketepikan pada 1999 kini dimasukkan semula dengan dilantik sebagai ahli jawatankuasa penaja Umno Padang Terap, bagaimanapun menafikan beliau berminat untuk menjadi Menteri Besar Kedah.

"Terus terang saya katakan, saya tidak berminat untuk jawatan itu kerana saya lebih berminat pada peringkat Pusat walaupun sebagai ahli Parlimen biasa. Bagi saya, Syed Razak bukan saja berwibawa, malah berkebolehan dan berjaya membawa pembangunan kepada Kedah, buat apa kita nak kacau,"

katanya yang sudah berkampung di kawasan Padang Terap sejak sebulan lalu.

Soal bakal menteri besar yang kebiasaannya menjadi isu dalaman di kalangan Umno bagaimanapun kini turut melanda Pas, termasuk di Kedah sendiri. Ini kerana berbeza dengan Pas Kelantan dan Terengganu yang diketuai oleh tokoh nasional, Pas Kedah sejak kematian Datuk Fadzil Noor, masih mencari pengganti. Walaupun Pas Kedah kini diketuai oleh Naib Presiden Pas Pusat, Azizan Abdul Razak, kalibernya masih tidak mampu menyamai Fadzil termasuk di kalangan parti itu sendiri untuk menjadi idola.

"Itulah sebabnya timbul perebutan jawatan menteri besar jika Pas berjaya memerintah Kedah. Seorang tokoh yang dianggap layak menggantikan Fadzil ialah Datuk Harun Din. Tetapi Harun sendiri dikatakan kurang disenangi oleh Azizan di Kedah dan Pesuruhjaya Pas Perlis, Hashim Jasin," kata pembantu khas Menteri Besar Kedah, Boon Som Inong.

Boon Som, anak Kedah berketurunan Siam yang juga bekas wartawan agensi berita Iran, Irna, juga berkata, kemenangan besar Pas pada pilihan raya umum lalu turut dibantu oleh sokongan masyarakat keturunan Siam berjumlah kira-kira 30,000 orang di Kedah. Bagaimanapun, katanya, keadaan sudah berubah dan masyarakat itu kini sudah kembali kepada BN.

Yang Dipertua merangkap Pengerusi Eksekutif Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia (Yadim), Datuk Nakhaie Ahmad, berkata taktik Pas yang lebih cenderung menyerang keperibadian calon dalam kempen mereka akan memakan diri kali ini.

Bagaimanapun, katanya, Umno sendiri perlu memilih calon yang sesuai kerana selera pengundi sudah berubah dengan majoriti seperti di Kedah sekarang adalah pengundi atas pagar di kalangan golongan muda.

"Pengundi muda ini akan lebih tertarik kepada imej calon dan calon yang tidak tercemar akhlaknya akan mudah memikat hati mereka yang kebanyakannya golongan intelek. Majoriti senyap inilah berbahaya dan boleh menentukan kemenangan. Kalau letak calon yang tak sembahyang, maka mudah bagi Pas untuk mengecam Umno," kata bekas Naib Presiden Pas itu yang kini menjadi ahli jawatankuasa Biro Agama dan Biro Penerangan Umno Pusat.

Apa pun, sehingga keputusan pilihan raya umum ke-11 diketahui nanti, Kedah akan terus mendapat perhatian utama pemerhati politik, mengatasi tumpuan kepada Kelantan dan Terengganu.